

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: TRANSKRIP TEMURAMAH

TEMPAT: DALAM RANCANGAN EHWAL SEMASA, RTM

TARIKH: 10 APR 1984

MASA:

Ahli-ahli Panel terdiri daripada:

2. En. Hashim Makarudin - BERNAMA
Melayu

Salleh Semenzak Dato Seri membentangkan Kajian
Separuh

Penggal Rancangan Malaysia Keempat di
Parlimen pada

29hb. Mac yang lalu berbagai reaksi telah
terdengar. Antaranya ialah adakah approach
dan strategi baru ini akan menjejaskan
pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru?

Perdana Pada pendapat Kerajaan ianya tidak akan
menjejaskan Menteri pelaksanaan Dasar Ekonomi
Baru kerana segala aspek

telah dikaji dan kita telah menentukan bahawa
apa juga yang kita buat akan mengambil kira
Dasar Ekonomi Baru sebagai asas.

Rosnah Dr., salah satu perkara penting yang Dr.
cakapkan

dalam Parlimen ialah mengenai pertanian
berkelompok dan industri-industri kecil di
kampung-kampung. Saya percaya sistem ini
merupakan satu sedutan daripada Sistem

'Saemul Undong' di Korea Selatan. Dalam
pelaksanaan 'Saemul Undong' di Korea Selatan
mereka menggunakan cara paksaan iaitu setiap
kelompok masyarakat tertentu itu dijadualkan
hidup mereka, ditentukan masa mereka bangun
tidur, apa yang mereka mesti buat dan
sebagainya. Apakah cara yang sedemikian juga
akan dilaksanakan di sini untuk mendapatkan
satu hasil yang lebih berkesan?

PM Sebenarnya sistem 'Saemul Undong' daripada
Korea

itu berasal daripada kajian yang dibuat oleh
mereka terhadap pembangunan luar bandar di
Malaysia. Jadi sistem 'Saemul Undong' ialah
pembangunan luar bandar cara Korea Selatan
dan ianya dibentuk mengikut sifat-sifat
orang-orang Korea Selatan. Kita membentuk
cara tindakan kita dengan mengambil kira
sifat-sifat orang Malaysia kita dan kita tahu

bahawa di sini cara-cara paksaan tidak akan berkesan. Oleh kerana itu kita terpaksa menggunakan cara-cara lain seperti memujuk dan memberi penjelasan dengan lebih baik dan menggunakan segala pemimpin yang berpengaruh yang ada di kawasan desa di Malaysia. Rosnah Kerajaan telah membuat satu projek percubaan mengenai sawah berkelompok iaitu di Kampung Asam Jawa, Pendang, Kedah. Dan dalam percubaan itu didapati semasa mereka meratakan tanah didapati bahagian tanah yang paling penting iaitu yang subur telah jatuh ini menyebabkan petani terpaksa bubuh baja yang lebih banyak dan kos menjadi sangat tinggi. Apakah dalam pelaksanaan kali ini yang menyeluruh di seluruh negara Kerajaan telah bersedia mempelajari dari projek ini dan sejauh manakah projek Kampung Asam Jawa telah mencapai kemajuannya?

PM Sebenarnya projek Kampung Asam Jawa ini adalah satu percubaan dan kita tidak mempunyai pengalaman yang begitu cukup. Oleh kerana itu dalam proses meratakan tanah, tanah yang subur yang ada di atas telah diketepikan dan kita tinggal dengan tanah yang tidak subur sahaja. Jadi, pada masa depan sudah tentu kita akan mengelakkan perbuatan yang sedemikian yang akan menyebabkan tanah pertanian menjadi tidak subur. Daripada segi kejayaan, pada satu sudut kita boleh kata bahawa rancangan di Asam Jawa itu berjaya. Berjaya dari segi menyakinkan penduduk di situ bahawa sistem pertanian berkelompok boleh diusahakan dan boleh mendatangkan faedah. Tetapi dari segi perbelanjaan Kerajaan, kita dapati bahawa kita telah berbelanja terlalu banyak untuk satu kampung. Kalau kita ingin mengadakan sistem ini di banyak tempat tentulah kita tidak mampu mengadakannya kerana perbelanjaan yang terlalu banyak. Oleh kerana itu kita mesti merancangkannya dengan lebih efisien lagi supaya perbelanjaan dapat dikurangkan.

Hashim Apakah langkah Kerajaan untuk menentukan yang idea ini akan turun ke bawah dan rakyat sendiri akan faham supaya ia dapat berjaya?

PM Yang penting ialah kita terlebih dahulu memberi penjelasan kepada pegawai-pegawai yang akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan skim ini, dan kita juga perlu mengguna segala saluran yang ada termasuk pemimpin-pemimpin

di kampung-kampung, wakil-wakil rakyat dan lain-lain orang yang berpengaruh supaya mereka dapat membuat penjelasan kepada penduduk desa yang terlibat berkenaan dengan kesan daripada usaha ini dan kebaikan yang boleh diperolehi daripadanya.

Hashim Mungkinkah nanti sistem milik tanah dan pusaka akan jadi penghalang?

PM Pada pendapat saya tidak. Sebenarnya di Asam Jawa

kita dapati bahawa mereka tidak merasa ragu-ragu untuk mencantumkan tanah mereka menjadi satu tanah yang lebih luas kerana mereka masih memiliki geran tanah, iaitu mereka masih memiliki tanah itu. Walaupun batu tanda sudahpun dibuang tetapi mereka tahu tanah mereka ada di situ dan mereka mempunyai geran yang 'legal', yang boleh digunakan oleh mereka dan boleh diturunkan kepada zuriat mereka dan boleh difaraidkan geran tanah itu mengikut amalan kita.

Rosnah Saya sendiri pergi melihat kawasan Kampung Asam

Jawa dan salah satu masalah ialah petani sendiri tidak yakin dengan projek ini, menyebabkan ada terdapat penduduk Kampung Asam Jawa sendiri yang enggan menyertai projek ini. Di sini timbul soal sikap.

Bagaimanakah Kerajaan akan menghadapi masalah sikap penduduk kampung?

PM Sebenarnya tidaklah tepat kalau kita kata petani

sendiri tidak yakin. Kalau mereka tidak yakin, mereka tidak akan menyertainya. Yang benar ialah ada beberapa orang daripada petani di situ yang tidak mahu menyertainya. Dan sebab mereka tidak mahu menyertainya mungkin tidak ada kena mengena dengan kejayaan atau tidak skim itu. Mungkin ada sebab-sebab lain. Jadi saya fikir ini tidak akan menjadi masalah dalam pelaksanaan skim ini di tempat-tempat lain dan kita akan mengambil kira pendapat-pendapat petani itu sendiri.

Hashim Dato Seri, saya ingin menyentuh tentang subsidi

yang ada berkaitan dengan pembangunan pertanian ini. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat Kajian Separuh Penggal, ada menyentuh tentang Kerajaan akan mengkaji semula peranan

subsidi ini dalam pembangunan pertanian. Ini sedikit sebanyak telah menimbulkan rasa kebimbangan di kalangan petani di negara kita. Bagaimanakah Kerajaan akan melaksanakan pengkajian semula peranan subsidi ini?

PM Subsidi yang diberi bukan menguntungkan petani semata-mata, tetapi mereka yang mendapat hasil pertanian itu. Umpamanya kalau kita memberi subsidi untuk padi bermakna sesiapa juga yang makan nasi mendapat subsidi itu. Kalau kita tidak memberi subsidi, orang yang membeli beras terpaksa membayar harga yang lebih. Petani tidak akan rugi tetapi bayaran untuk beras itu mestilah ditanggung oleh mereka yang ingin makan nasi dan mereka ini bukan semuanya dari golongan yang miskin. Jadi daripada segi petani, penarikan balik subsidi ini tidak bermakna bahawa mereka akan menjadi lebih miskin. Mereka akan dapat pendapatan yang sama.

Rosnah Kerajaan telah beberapa lama membayangkan akan menarik balik subsidi ini. Jadi boleh Dr. beritahu subsidi yang mana satu yang akan ditarik balik dan yang mana akan kekal? PM Kita tidak dapat menentukan di masa ini yang mana satu yang akan ditarik balik, yang mana yang tidak.

Tetapi yang kita tahu ialah kita telah menarik balik subsidi minyak disel umpamanya. Penarikan balik ini bukanlah dibuat secara buta tuli tetapi sebaliknya kita telah membuat kajian tentang kesan penarikan balik subsidi ini sebelum kita melakukannya. Dan kita harus ingat bahawa tujuan Kerajaan ialah menolong golongan yang miskin. Menolong golongan yang miskin tidak semestinya melalui subsidi. Mungkin dengan menaikkan harga barangan yang dijual oleh mereka, mereka akan mendapat pendapatan yang sama. Jadi ini sebagai mengubah beban daripada Kerajaan kepada masyarakat umumnya.

Rosnah Saya tahu salah satu kesan yang akan diperolehi dengan penarikan balik subsidi ini ialah kesan politik. Apakah Kerajaan sudah mengambil kira kesannya dalam pilihanraya akan datang?

PM Pilihanraya akan datang agak lambat lagi, tetapi

Kerajaan di mana-mana juga yang ingin memerintah sesebuah negara dengan cara yang cukup baik mestilah mengambil kira kepentingan umum dan tidak semata-mata untuk memenangi pilihanraya. Kita terpaksa kadang-kadang mengambil tindakan yang tidak 'popular' tetapi ianya baik untuk negara. Oleh itu terpulanglah kepada rakyat sama ada mereka hendak memilih Kerajaan yang memberi subsidi ataupun kerajaan yang baik.

Hashim Dato Seri saya ingin balik kepada Dasar Ekonomi

Baru ini. Dalam kajian ini perbelanjaan Kerajaan akan berkurangan bagi baki tempoh 1984-85. Adakah ini akan menjejaskan usaha-usaha Kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi khususnya bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru?

PM Dengan perbelanjaan yang kurang, ini bermakna bahawa peranan Kerajaan akan berkurangan.

Tetapi

peranan ini akan diganti dengan peranan swasta. Jadi pada jumlahnya tidak akan berkurangan, walaupun kita terpaksa juga mengambil kira kemelesetan ekonomi dunia yang mempunyai kesan yang menyeluruh kepada Kerajaan dan juga kepada pihak swasta.

Hashim Tetapi tidakkah peranan besar yang diberikan kepada

sektor swasta ini terlalu berasaskan kepada andaian yang optimis, yang pertumbuhan ekonomi akan berkembang begitu cukup supaya eksport kita akan meningkat dan sektor swasta akan dapat memainkan perannya dan juga mereka ini akan benar-benar menyahut seruan Kerajaan kerana di masa yang lampau sektor swasta ini telah diberikan peranan yang sebegitu rupa tetapi tidak begitu dinamik untuk menyahut seruan Kerajaan. Tidakkah kali ini mereka akan gagal menyahut seruan Kerajaan?

Perdana Andaian yang kita buat terpaksa dibuat kalau kita Menteri ingin mengadakan

sesuatu rancangan. Sama ada

kita memberi peranan kepada swasta ataupun Kerajaan, jika andaian kita itu tidak tepat, maka Kerajaan juga tidak dapat mengatasinya walaupun peranan itu diubah kepada pihak Kerajaan. Jadi, dari segi pencapaian pihak swasta di dalam ramalan-ramalan yang telah dibuat, mereka kalau tidak mencapai tahap yang perlu dicapai oleh mereka, ini bukanlah

kerana tidak ada usaha oleh mereka tetapi sebaliknya kerana perkembangan ekonomi seluruh dunia telah merosot. Ini mempunyai kesan terhadap Kerajaan dan terhadap pihak swasta juga. Oleh kerana itu kita tidak boleh berkata bahawa dahulu pihak swasta ini tidak berjaya. Mereka tidak berjaya bukan kerana salah mereka, tetapi kerana kemelesetan ekonomi dunia.

Hashim Apakah Kerajaan mempunyai alternatif lain jika sektor swasta tidak dapat menyahut seruan ini disebabkan ekonomi dunia yang diharapkan tumbuh begitu baik tidak muncul?

PM Kalau ekonomi dunia tidak menjadi baik, pihak Kerajaan pun tidak boleh membuat sesuatu untuk mengatasi masalah pertumbuhan ekonomi. Tetapi tentang alternatif, ini terpaksa mengambil kira keadaan semasa dan kita tidak boleh membuat bermacam-macam ramalan tanpa asas. Ramalan yang kita buat adalah berasaskan angka-angka yang telah kita dapati berkenaan dengan perkembangan semasa dan perkembangan akan datang.

Rosnah Sejak Dr. mengambil alih Kerajaan, Dr. lebih banyak menumpukan perhatian kepada projek-projek yang besar, yang pada fikiran setengah orang tidak secara langsung menguntungkan penduduk luar bandar. Misalnya projek HICOM, projek Aerobas dan sebagainya. Dan dengar khabar nak buat keretapi laju pulak. Jadi pada 29hb. Mac lalu Dr. telah datang ke Parlimen dengan membawa satu usul kepada pembangunan luar bandar iaitu pertanian berkelompok, industri kecil dan menyusun semula kampung-kampung tradisional. Apakah idea ini untuk mengimbangkan pembangunan di antara sektor industri dan pertanian, bandar dan luar bandar.

PM Tidak untuk mengimbangkan. Sebenarnya saya banyak bercakap berkenaan pembangunan luar bandar dan orang-orang miskin. Tetapi nampaknya akhbar bahkan RTM pun tidak begitu berminat kalau saya bercakap berkenaan soal-soal di kampung. Biasa saya balik ke kampung dan saya membuat ucapan berkenaan pembangunan tempatan, dan selepas itu pemberita bertanya saya berkenaan dengan masalah siapa yang akan dipilih, siapa yang akan memimpin parti mana. Jadi nampaknya akhbar sendiri tidak berminat. Tetapi bagi saya, saya bercakap berkali-kali

berkenaan pembangunan luar bandar, berkenaan mengatasi soal-soal kemiskinan. Bahkan boleh saya buat senarai projek-projek yang telah diusahakan dengan dorongan saya sendiri. Saya boleh tunjukkan umpamanya projek Sate Ria, Sate Aneka adalah berasaskan kepada arahan saya sendiri, dan bermacam-macam lagi perniagaan seperti Karunmas yang baru saya buka adalah daripada usaha saya juga. Karyaneka, dan banyak lagi perusahaan, perusahaan buluh, rotan, tanah liat dan sebagainya, semua ini bermula daripada Pejabat saya sendiri. Tetapi ini nampaknya tidak begitu menarik sebagai item di dalam akhbar. Jadi nampak seolah-olah saya tidak menumpukan kepada perkara ini. Sebaliknya kalau saya sebut sahaja HICOM ataupun motokar Malaysia, semuanya begitu berminat sekali untuk bertanya itu dan ini. Jadi nampak seolah-olah saya ini menumpukan kepada soal-soal Heavy Industries dan tidak kepada soal pembangunan luar bandar. Walhal saya dipilih daripada kawasan luar bandar. Rosnah Menyentuh tentang Penswastaan. Ada juga tuduhan yang mengatakan bahawa penswastaan hanya akan mewujudkan beberapa kerat bumiputera tetapi tidak menguntungkan bumiputera terbanyak. Seolah-olah akan menjauhkan lagi jurang perbezaan. Kalau dahulu di antara bumiputera dan bukan bumiputera, sekarang ini antara bumiputera dan bumiputera sendiri. Jadi ada yang mengatakan bahawa pelaksanaan ini akan mewujudkan yang kaya akan bertambah kaya, yang miskin yang kaya, kata mereka. Apa komen Dr?

PM Ini adalah satu 'cliche' yang sedap disebut tetapi tidak benar di Malaysia ini. Sebenarnya dulupun kita tidak suka melihat keadaan di mana bumiputera ketinggalan di belakang dan orang lain menjadi millionaire dan sebagainya. Sekarang ini bila wujud pula orang-orang kaya daripada kalangan bumiputera, maka kita kata pula ada perbezaan antara bumiputera dan bumiputera. Sebaliknya kalau kita fikir secara logik, dari manakah datangnya orang yang kaya di kalangan bumiputera ini. Kalau dahulu mereka tidak wujud sekarang ini mereka wujud, tentulah mereka datang dari golongan yang miskin dahulu. Ini bermakna bahawa yang miskin sudahpun jadi kaya. Selain daripada itu kita harus ingat bahawa dalam Dasar Ekonomi Baru, kita cuba membolehkan golongan miskin ini

meningkatkan daya pendapatan mereka melalui pelajaran, dan hari ini kita mempunyai berpuluh ribu bumiputera yang mendapat pelajaran termasuk dalam bidang profesional dan yang sekarang ini pendapatan mereka sudahpun meningkat. Ini juga menunjukkan bahawa mereka ini dari golongan miskin sudah menjadi orang yang kaya secara sederhana. Jadi kalau kita sebut sedikit tentang penuntut yang ada di universiti, dan kita kata bahawa mereka ini dahulunya miskin dan sekarang ini belajar dan ada kemungkinan mereka menjadi kaya, ini menunjukkan minat kita untuk menentukan orang miskin dapat jadi kaya. Tetapi sebaliknya kalau kita kata penuntut dalam universiti itu terdiri daripada orang kaya dan kerajaan ini menolong cuma orang kaya sahaja, kita berbangga kerana begitu banyak sekali orang kaya yang ada di kalangan bumiputera dan kita tidak harus merasa irihati ataupun khuatir dengan perkara itu.

Rosnah Kebimbangan mereka bertolak daripada kemungkinan

akan lahir sistem oligarki di dalam sistem ekonomi kita, misalnya seperti di Filipina dan India, iaitu satu-satu keluarga mengawal daripada periuk nasi sampailah ke kapal terbang misalnya TATA Group, Ayala Family. Ertinya kalau kecenderungan ini berterusan kemungkinan perkara ini akan berlaku. Apa komen Dr?

PM Sebenarnya ini tidak mungkin berlaku di Malaysia, kerana asasnya atau latar belakangnya berbeza. Di negara-negara asing terdapat 'landed proprietors' yang memiliki tanah berpuluh ribu ekar seseorang ataupun satu keluarga. Di Malaysia ini tidak ada keluarga yang memiliki tanah yang begitu luas. Di kalangan petani-petani yang menanam padi umpamanya, tanah yang terluas sekali ialah lebih kurang 50 ekar ataupun 25 hektar sahaja. Itu sahaja yang 'landed proprietors'. Jadi tidak mungkin orang ini akan menjadi begitu besar sehingga menguasai seluruh perniagaan. Dan orang-orang yang berjaya dalam bidang perniagaan sekarang ini, adalah kebanyakannya terdiri daripada profesional yang memasuki bidang perniagaan dan mereka mengurus syarikat-syarikat kepunyaan orang ramai. Ini bermakna bahawa tidak ada satu perniagaan yang dimiliki cuma oleh satu orang sahaja. Selain daripada itu dengan adanya PNB dan ASN yang memiliki syarikat-syarikat gergasi di Malaysia ini dan PNB dan ASN itu sendiri dimiliki oleh 1.5 juta rakyat. Ini menunjukkan bahawa yang

memiliki syarikat-syarikat besar terdiri daripada orang ramai yang ada di sini, termasuk juga mereka yang berpendapatan rendah. Jadi keadaan di negara lain sebenarnya mempunyai asas yang lain. Di Malaysia ini perkara yang semacam itu tidak mungkin berlaku.

Hashim Dato Seri, saya ingin mengalih kepada soal yang hangat dibincangkan sekarang iaitu penduduk 70 juta

orang. Jadi apakah ini merupakan satu dasar Kerajaan sekarang dan bagaimana angka 70 juta itu timbul, kenapa tidak 50 juta ataupun ganda daripada yang ada sekarang iaitu 14.8 juta orang. Dapat Dato Seri terangkan?

PM Seperti juga angka-angka dalam apa juga rancangan,

ianya tidak boleh menjadi tepat. Tidaklah bermakna bahawa pada satu hari penduduk di Malaysia ini 70 juta, tidak boleh satu lebih dan tidak boleh satu kurang. Angka 70 juta ini datang daripada perkiraan kita tentang saiz negara kita. Kita dapati negara kita ini lebih besar umpamanya daripada Great Britain. Mereka mempunyai 50 juta, kenapa kita yang lebih besar tidak boleh mempunyai 70 juta. Selain daripada itu, mengikut angka-angka yang disediakan oleh Lembaga Perancang Keluarga, dalam jangkamasa 115 tahun bilangan penduduk di Malaysia ini ialah 35 juta. Jadi kalau kita cuma 'double' sahaja kita tentu dapat 70 juta. Sekarang ini kita akan dapat 35 juta kerana 'birth rate' atau kadar kelahiran ini, cuma 2.2, atau 2.3. Kalau kita dapat tingkatkan balik kepada kadar asal iaitu 3.2, kemungkinannya ialah kita akan dapat 70 juta. Dan kalau dalam pada itu pula kita menjaga kesihatan, kita memberi pelajaran yang cukup tentang menjaga tubuh badan dan kita ada cara-cara menentukan jarak antara satu anak dengan satu anak yang lain, ini akan menentukan bahawa 'survival rate' iaitu bilangan bayi yang bukan sahaja lahir tetapi akan dewasa akan meningkat. Ini sudah tentu akan menambah bilangan di antara kita sendiri sehingga dapat angka 70 juta dalam 115 tahun.

Salleh Ini ada satu reaksi daripada orang ramai. Antara

perkara yang difikirkan bagaimana Malaysia akan menentukan agar pertambahan penduduk mencapai peringkat yang diinginkan, sedangkan kemiskinan masih belum dapat diatasi secara menyeluruh.

PM Saya berpendapat kalau kita hendak menentukan supaya kita cuma meningkatkan bilangan kita

setelah kita mengatasi soal kemiskinan, maka kita tidak dapat meningkat sama sekali. Di negara yang kaya seperti di Amerika Syarikat umpamanya masih ada manusia yang hidup di bawah paras kemiskinan. Ini bermakna bahawa kita tidak mungkin menghapuskan sama sekali kemiskinan. Kemiskinan tetap ada, tetapi ini tidak bermakna bahawa taraf kehidupan kita tidak boleh ditingkatkan. Kita yakin dalam jangkamasa 115 tahun bukan sahaja kita dapat meningkatkan bilangan penduduk, tetapi kita dapat meningkat 'standard' kehidupan kita melalui kerja kuat, kerajinan, dan perancangan yang lebih teratur, kesanggupan menghadapi bermacam-macam cabaran dan sebagainya.

Rosnah Dr. berkata kemiskinan adalah satu perkara yang

tidak boleh dihapuskan sama sekali. Ertinya mesti ada. Itu adalah satu andaian realiti. Tetapi kenapakah salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah membasmi kemiskinan iaitu dengan andaian bahawa kemiskinan boleh diturunkan hingga ke kosong.

PM Kemiskinan mempunyai dua tafsiran. Satu, kemiskinan secara 'absolute' atau mutlak. Satu lagi, kemiskinan secara relatif. Kemiskinan secara 'absolute' ini ialah kemiskinan sehingga papa kedana, kebuluran, terpaksa meraba-raba dalam tong sampah untuk mendapatkan makan seperti yang kita lihat dalam gambar TV di Amerika Selatan umpamanya. Ini tidak berlaku di Malaysia. Menghapuskan kemiskinan secara mutlak, itu boleh.

Menghapuskan kemiskinan secara relatif iaitu kalau ada yang kaya tentu ada yang miskin, itu kita tidak dapat mengatasinya. Yang kita dapat buat ialah mengurangkan jurang antara yang miskin dengan yang kaya. Itu sahaja.

Hashim Salah satu kritik orang ramai mengenai kemiskinan

ini yang telah meningkat sedikit ialah, kerajaan tidak menerangkan dengan sebegitu jelas apakah dia garisan kemiskinan yang digunakan untuk mentakrifkan kemiskinan itu.

PM Garisan itu sebenarnya tidak mempunyai makna kalau

kita gunakan angka. Umpamanya kalau kita kata satu keluarga itu kalau mempunyai pendapatan sebanyak \$500, maka dianya berada di paras pembahagian kemiskinan, dan kalau kurang \$1 dia miskin, lebih \$1 dia kaya.

Angka yang semacam itu tidak tepat kerana keadaan alam sekitar berbeza. Di satu tempat \$500 mungkin menjadikan seorang itu orang kaya, sebaliknya di satu tempat yang lain di dalam negara kita ini, \$500 menjadikan orang

itu orang yang miskin. Sebab itu kita tidak guna angka. Apa yang kita guna ialah apa yang diperlukan oleh satu keluarga seramai lima orang untuk hidup yang sempurna. Dia mesti mempunyai makanan yang cukup, dia mempunyai pakaian, dia mempunyai perlindungan, iaitu sama ada rumah sewa ataupun rumah sendiri ataupun lain-lain. Jadi dengan adanya 3 perkara ini, pada paras yang ditentukan, kita anggap bahawa dia tidak lagi miskin. Sebab itu kita tidak dapat memberi angka. Cuma kita boleh kata, sekarang ini sekian banyak. Kemudian kita mungkin terpaksa tukar pula paras itu kerana mungkin sara hidup telah meningkat, mungkin subsidi Kerajaan telah bertambah, mungkin Kerajaan membina sesuatu yang mengurangkan perbelanjaan seseorang. Jadi ini semua tentulah diambil kira dan ini tidak boleh menentukan satu paras yang tepat daripada segi angka.

Rosnah Saya fikir Dr., keperluan asas seperti digariskan

oleh ahli-ahli ekonomi yang dahulu, saya fikir tidak harus lagi digunakan hari ini kerana dia telah bertambah. Misalnya kita memerlukan sekolah, kita memerlukan kesihatan yang baik. Ini juga merupakan keperluan asas. Lampu letrik, paip air yang baik.

Jadi saya fikir elok bagi Kerajaan menambahkan keperluan asas di dalam 'target' kerajaan sendiri.

PM Sebenarnya setiap kali kita membuat Rancangan Malaysia kita mengubah paras itu mengikut apa yang telah dikatakan tadi, kerana kita menganggap apa yang dahulu dianggap sebagai kepentingan mewah, sudah menjadi keperluan. Sallee Satu perkara yang agak lucu sedikit, ada orang

berkata, sekarang Dr. Mahathir berkata kita boleh kahwin lebih daripada satu, hendakkan 70 juta ini. Apa komen Dr.

PM Itu, kalau sesiapa yang hendak kahwin lebih daripada satu, itu pilihan dia sendiri.

Tetapi kalau dia kahwin lebih daripada satu pun tidak bermakna bahawa dengan cara itu kita dapat menambah penduduk kita. Kerana ada setengah orang kalau kahwin empat dapat anak seorang sahaja. Sebaliknya ada orang yang kahwin seorang tetapi dia ada 10 orang anak.

Sallee Jadi kalau dipandang daripada 'approach' Kerajaan

yang baru ini dan strategi-strategi ini, banyak bergantung kepada sikap rakyat, --

sikap rakyat biasa, sikap orang-orang dalam industri, sikap pegawai-pegawai Kerajaan. Dr. yakin yang rakyat Malaysia ini akan mengubah sikap menurut strategi-strategi baru.

PM Dengan sekali gus tidak mungkin. Tetapi sepertimana kita tahu kita sekarang ini cuba memupuk dan menyemai nilai-nilai yang baik. Sebab itulah kita ada slogan seperti Bersih, Cekap dan Amanah. Kita kata kita mesti Memimpin Melalui Teladan. Kita tekankan kenapa kita perlu berdisiplin, rajin bekerja dan sebagainya. Dan ini akan mengambil masa yang panjang, tetapi saya yakin akhirnya kita akan dapat mencapai matlamat kita. Salleh Terima kasih kerana datang ke studio untuk menerangkan secara ringkas apakah hasrat Kerajaan sebenarnya.